

# MESYUARAT JAWATANKUASA PERUNDINGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (JPPBT) 2017



YB Tan Sri Noh bin Haji Omar (Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan) telah merasmikan Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) 2017 pada 23 November 2017 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. Mesyuarat yang berlangsung selama tiga (3) hari mulai 23 hingga 25 November 2017 ini turut dihadiri oleh Datuk Bandar/Yang Dipertua/Pengerusi dari 117 pihak berkuasa tempatan (PBT), wakil Kerajaan Negeri dan beberapa agensi pusat dari seluruh negara.

KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) menganjurkan JPPBT ini secara tahunan sebagai medium untuk menyampaikan dasar-dasar kerajaan berhubung PBT kepada Kerajaan Negeri dan PBT dan bertukar-tukar

pandangan dan pengalaman berkaitan cabaran pengurusan perbandaran antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan PBT dalam meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan PBT.

Mesyuarat JPPBT tahun ini telah membincangkan 11 kertas kerja dan empat (4) kertas taklimat berkaitan PBT yang dibentangkan oleh pelbagai agensi, seperti yang berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Nama Pembentang dan Agensi</b>
<b>Kertas Kerja</b>		
1.	Kajian Indeks Keterlibatan Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan 2017	YBrs. Dr. Ahmad Zairy bin Mohd Soieib Jabatan Perkhidmatan Awam
2.	Cadangan Penggunaan Kaedah IBS Sebagai Salah Satu Syarat Kelulusan Pelan Bangunan Oleh Pihak Berkuasa Tempatan	Encik Ahmad Farrin bin Mokhtar Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia
3.	Garis Panduan Pembinaan Chalet Atas Air	YBrs. TPr. Dr. Chee Ping Ngang PLANMalaysia
4.	Garis Panduan Tempat Letak Kereta	YBrs. TPr Mohd Zainuddin bin Jumaat PLANMalaysia
5.	Malaysian Carbon Reduction and Environmental Sustainability Tool (MyCrest)	YBrs. Ir. Noraini binti Bahari Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia
6.	Pelan Tindakan Pengurusan Tandas Awam Kebangsaan beserta Manual Pembersihan Awam	Encik Rajen A/L Kobalu Jabatan Kerajaan Tempatan
7.	Penjanaaan Pendapatan PBT Melalui Endowment	YBrs. Professor Dr. Ismail bin Omar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
8.	Pelaksanaan Projek BP.1	YBhg. Dato' Noor-Ihsan bin Hj. Che Mat Jabatan KerajaanTempatan
9.	Pengenalan Indeks Syariah Malaysia	Puan Nor Safina binti Zainal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

10.	Pengurusan Kenderaan Terbiar	YBhg. Datuk Harjeet Singh Biro Pengaduan Awam
11.	Manual For Business Licensing	YBrs. Dr. Daud bin Talib Malaysia Productivity Corporation
<b>Kertas Taklimat</b>		
1.	i-KEPOH Version 2.0	Puan Siti Hawa binti Mahadi Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
2.	World Urban Forum Ke-9	Puan Norliza Hashim Urbanice Malaysia
3.	Solusi Tangani Gejala Iklan Haram	YBrs. Tuan Hj. Muhammad Zharif Johor Persatuan Pengguna Islam Malaysia
4.	Perangkap Nyamuk Solar	YBhg. Dato' Marcus L.Andrew MN Empire Sdn Bhd

